

Keistimewaan Kantan (ms 166)

SP : 5.1.4

Lengkapkan ayat dengan **kata kerja** dan **kata bantu** dengan pilihan jawapan yang sesuai.

Contoh:

Amar **hendak** **berkebun** di belakang rumahnya.

(**hendak** - **kata bantu**, **berkebun** - **kata kerja**)

1. Amar dan keluarganya _____ ke pejabat pertanian untuk membeli anak pokok kantan.
2. Amar _____ anak-anak pokok kantan yang telah dibelinya untuk dimasukkan ke dalam kereta.
3. Encik Zakaria _____ menyediakan tapak semaian untuk menanam anak pokok kantan.
4. Puan Salmah dan anaknya _____ anak -anak pokok kantan di tapak semaian itu.
5. Amar _____ kedua-dua ibu bapanya menanam anak-anak pokok kantan itu.
6. Selepas beberapa bulan,pokok kantan _____ dan mengeluarkan bunga.
7. Puan Salmah _____ bunga kantan itu di belakang rumahnya.

8. Puan Salmah _____ kuah laksa dengan menggunakan bunga kantan.

Batang pokok kantan _____ sebagai ramuan dalam perubatan tradisional seperti penyakit bengkak-bengkak, penyakit kuning dan sakit telinga.

Bunga kantan _____ sebagai ramuan dalam masakan seperti kuah laksa, nasi kerabu, asam pedas dan tom yam.

Secara tidak langsung, tanaman ini _____ persekitaran landskap di kawasan rumah yang sungguh cantik.

telah pergi

telah menyediakan

mahu membawa

hendak menolong

sedang menanam

mahu memasak

telah mengambil

sudah membesar

boleh dijadikan

boleh dimasak

telah mewujudkan